

BAB 3

NASIONALISME

3.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, analisis terhadap pemikiran politik hanya tertumpu kepada aspek nasionalisme¹ walaupun darjah ketinggiannya tidak sekata. Tahap atau darjah ketinggian nasionalisme dalam novel-novel Ahmad Boestamam tidak menjadi fokus utama kajian meskipun Sahlan Mohd Saman mengatakan bahawa sekali imbas ketinggian darjah nasionalisme dalam novel-novel Melayu berbeza-beza mengikut latar masa dan latar novel-novel tersebut dihasilkan (*Dewan Sastera* 1983, Ogos 23). Namun pandangan Sahlan ini ada benarnya kerana teks kajian ini juga mempunyai ketinggian darjah nasionalisme yang berbeza-beza mengikut tema dan persoalan sesbuah novel.

Selubungan itu, kehadiran mesej nasionalisme yang tidak sekata dalam teks kajian wajar dikaitkan dengan scenario dan latar belakang kebangkitan semangat nasionalisme di

¹ Pertumbuhan mengikutnya berdasarkan pengertian yang turutkan dalam bab 2 him 41-44

negara ini²² yang sebenarnya tercetus lebih awal sebelum kelahiran novel-novel Ahmad Boestamam. Banyak karya sastera termasuk genre novel Melayu terhasil disebabkan daripada tekanan politik, ekonomi dan sosial. Contohnya, novel *Putera Giuntung Tahan* (1938) dan *Anak Mat Lela Gila* (1941) kedua-duanya dihasilkan oleh Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) secara sinis dan simbolis telah membangkitkan semangat nasionalisme (Sahlan Mohd Saman, 1983: 23).

Tetapi sebelum kemunculan kedua-dua novel tersebut, kesedaran nasionalisme ini pernah ditangani oleh Syed Syekh Ahmad Al Hadi lewat *Hikayat Faridah Hanum* (1925), Ahmad Rashid Talu ‘*Lakah Salmah*’ (1928) dan Ahmad Kotot dengan judul *Hikayat Perintauan Kasih Kemudian* (1927) yang amat cenderung membela nasib bangsa yang tertindas, menderita serta terbiar daripada pembangunan akibat kesan-kesan negatif pembudayaan Barat dalam masyarakat Melayu (Sahlan Mohd Saman, 1983: 22).

Penulisan karya sastera ketika itu disebabkan faktor-faktor yang berpunca dari sikap penjajah yang bertindak menguasai dan mengaut hasil bumi dan laba urusniaga yang diperolehi daripada negara ini dan dibawa ke negara mereka, sebaliknya menghapuskan kepentingan ekonomi dan kebijakan sosial pribumi.

Kaum bumiputera khususnya di luar bandar dibiarkan hidup miskin dalam lingkaran kemiskinan relatif serta dalam kehidupan daif manakala sebahagian kecil kelompok kroni British misalnya, yang terdiri dari golongan elit bangsawan menikmati kehidupan selesa hasil “pertolongan” penjajah dari segi status sosial dan ekonomi dengan mengamalkan dasar *divide and rule* oleh British.

²² Dalam konteks kapten merupakan kepada Melayu (sebutan ini dikemaskini sebagai Tanah Melayu / Malaysia).

Justeru Ghazali Shafei menggambarkan keadaan Tanah Melayu / Malaya ketika nasionalisme mula tercetus akibat penguasaan British terhadap sosio-ekonomi dan politik negara ini yang secara langsung mengikis *status quo* corak pemerintahan dan pentadbiran tradisional Melayu. Beliau menegaskan bahawa,

Sebenarnya Malaya itu bukan disifatkan satu negara kerana wilayah mengandungi sembilan sultan, empat persekitar, lima tidak dan tiga lagi pemerintahannya adalah langsung dari jabatan jajahan di London. British mengizinkan kedatangan beramai-ramai orang Cina dan India supaya tenaga mereka digunakan untuk melombong dan menoreh getah buat revolusi industri di Barat, tetapi di Malaya dan juga di pulau-pulau Hindu diperintah mereka tidak boleh campur tangan politik Melayu. Ini adalah serasi dengan filosofi politik waktu itu. Maka nasionalisme Melayu pun mengorak langkah di Nusantara dengan hebatnya walaupun sebelum itu ada serba sedikit sungutan tidak puas hati di Dutch East Indies (Nusantara yang diperintah Belanda) (*Pemikir*, Oktober-Disember 2000 153)

Kepincangan sosial yang agak ketara ini menyebabkan kebencian terhadap penjajah begitu meluap sekali di kalangan kaum bumiputera yang terdiri dari orang-orang Melayu. Contohnya dalam masyarakat di Asia Tenggara, gerak kesedaran akibat tekanan sosial, ekonomi dan politik itu mula terlihat secara jelas dengan kemunculan dan kemasukan kuasa-kuasa Barat, terutama pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 (James P. Ongkili 1972 43). Kebanjiran kuasa Barat seperti Belanda di Indonesia dan British di Tanah Melayu telah membentuk satu era kebangkitan semangat nasionalisme pada awal abad ke-20 iaitu pasca Perang Dunia Kedua.

Berdasarkan rentetan sejarah itu, kita melihat Ahmad Boestamam telah mengangkat isu topikal, semangat nasionalisme sebagai simbol perjuangan bangsa Melayu sebagaimana

yang dipamerkan dalam teks kajian. Dan, ini turut diakui oleh A Rahim Abdullah (1995:3) yang berpendapat bahawa:

Jika diambil kira semangat nasionalisme sebagai satu simbol ataupun lambang perjuangan bangsa oleh mereka yang terlibat, khususnya golongan penulis dan sasterawan, maka kita akan dapat melihat sikap dan pemikiran yang jelas dalam menentukan arah kehidupan masa depan bangsa dan negara yang mereka cintai.

Bagi menilai kehadiran semangat nasionalisme dalam novel-novel Ahmad Boestamam, fokus analisis mencakupi dari sudut perjuangan politik tanah air dan kewujudan sebuah negara-bangsa yang disifatkan sebagai unsur-unsur idealisme politik beliau ke arah membangkitkan semangat kebangsaan Melayu bagi menghalang dominasi kuasa asing akibat penjajahan Inggeris dan Jepun di negara ini. Justeru kajian ini akan menyorot latar belakang kebangkitan semangat nasionalisme di Tanah Melayu bagi memantapkan analisis tentang kehadiran mesej-mesej nasionalisme dalam teks kajian.

3.1 LATAR BELAKANG KEBANGKITAN SEMANGAT NASIONALISME DI TANAH MELAYU

Di Tanah Melayu, kebangkitan awal semangat nasionalisme digerakkan oleh Kaum Muda (1930-an) yang dipelopori oleh golongan intelengensia Melayu yang mendapat pendidikan dari luar negara seperti India, Makkah dan Mesir (Timur Tengah), Pakistan dan lain-lain. Mereka membawa balik gagasan kemerdekaan yang diperolehi dari luar negara dan menanamkannya di jiwa bangsa mereka di negara ini.

Nama-nama tersohor seperti Syed Syekh Ahmad Al-Hadi, Sheikh Tahir Jalaluddin, Sheikh Mohd Salim Al-Kalili dan Haji Abas bin Mohd. Taha cukup sinonim dengan Kaum Muda yang memfokuskan perjuangan menyedarkan masyarakat Melayu memajukan diri dari segi sosial, ekonomi dan politik serta mengajak mereka kembali kepada ajaran Islam sebenar berpandukan al-Quran dan Hadis. Mereka merupakan reformis yang inginkan perubahan radikal dalam masyarakat Melayu

Idea-idea mereka disebarluaskan melalui majalah dan akhbar seperti *al-Imam*, *Neracha*, *Saudara* dan *al-Ikhwan* serta karya sastera, genre novel. Modus operandi ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan bahawa sastera dianggap sebagai alat perjuangan bagi meluahkan perasaan nasionalisme (Khoo Kay Kim 1985: 150-151). Pendapat Khoo Kay Kim terbukti apabila sebilangan besar reformis menggunakan sastera bagi menyampaikan maksud perjuangan.¹⁷ Secara umum, Radin Soenarno (1959: 38) menggariskan bahawa susur-galur gerakan nasionalisme di tanah Melayu terbahagi kepada tiga tahap yang berdasarkan faktor-faktor agama, ekonomi dan politik seperti berikut:

- 1 Peringkat pertama (1906-1926) dikaitkan dengan faktor keagamaan
- 2 Peringkat kedua (1926-1937) disebabkan faktor ekonomi
- 3 Peringkat ketiga (1937-1948) kerana faktor politik

¹⁷ Pada sekitar penghujung tahun 1910-an hingga awal 1920-an, modus operandi ini diteruskan oleh Ahmad Husaini melalui genre novel

Pada peringkat ketiga inilah gelombang kebangkitan semangat nasionalisme di Tanah Melayu kian hebat kerana disuntik oleh pergolakan politik yang berlaku di Indonesia (Kamarudin Jaffar 1980: 39). Apa yang diperkatakan oleh Kamaruddin dapat dilihat melalui proses "pengaliran pemikiran" yang dibawa oleh nasionalis Indonesia seperti Tan Malaka, Sutan Djenaen dan Mokhtaruddin Laso serta menerusi karya-karya sastera negara jiran itu.

Tambahan pula gerakan nasionalisme pada tahap tersebut digerakkan oleh kebanyakannya guru-guru dan wartawan Melayu dengan bersemangat sekali serta bertindak dengan lebih radikal sifatnya berbanding Kaum Muda (Kamaruzzaman A. Kadir 1985: 18). Keradikalan yang dimaksudkan oleh Kamaruzzaman A. Kadir barangkali dilihat dari skop pembabitan mereka (guru / wartawan Melayu) yang menggunakan *multi-platform* (sama ada dalam bidang penulisan, kewartawanan (surat khabar / majalah) serta organisasi mirip parti politik).

Perkembangan positif kebangkitan semangat nasionalisme kian jelas dan matang apabila ia mula digiatkan menerusi *Persaudaraan Sahabat Pena* (PASPAM) pada tahun 1934 kemudian diorganisasikan dalam KMM (1938) yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakub, Dr Burhanuddin Al Helmi dan Ishak Haji Mohammad (Ramlah Adam 1994a: 3).

Ekoran kemunculan KMM ini maka semangat nasionalisme telah menjadi semakin dominan di dalam masyarakat Melayu dan terbentuklah satu gerakan bertaraf nasional di kalangan masyarakat Melayu. Namun begitu kebanyakan gerakan ini berjalan secara *underground* supaya ia tidak dikesan oleh penjajah. Tetapi kemudiannya langsung

melahirkan parti-parti politik berhaluan kiri seperti PKMM (1945)¹, API (1947), Hizbul Muslimin (1948)², Parti Islam Se Malaya / Malaysia (PAS-1951)³ dan Parti Rakyat Malaya (PRM-1955)⁴.

Dalam pada itu, parti politik Melayu berhaluan kanan⁵ seperti UMNO⁶ yang ditubuhkan pada tahun 1946 tidak ketinggalan untuk turut berjuang sama dalam gerakan tersebut khususnya ketika menentang gagasan Malayan Union (MU)⁷ yang diperkenalkan oleh British.

Sesudah MU dimansuhkan, UMNO berkompromi dengan British serta kaum imigeran, Cina dan India bagi merintis laluan kemerdekaan negara, sebaliknya golongan kiri berterusan dengan sikap kontra terhadap Inggeris sambil menukarkan semangat nasionalisme yang semakin menuju ke anti-klimaks apabila negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

¹ Perjempuan penubuhan PKMM ialah pada 17 Oktober 1945. Detik-detik bersejarah di sekitar penubuhan parti politik tersebut dicantik dengan baik sekali oleh Ahmad Boestamam. Iihat Ahmad Boestamam 1972 *Meranti Jalan Ke Pemerintah Kuala Lumpur Putaka Kajora*, hlm. 23-30.

² Sebuah parti politik Islam dan ditubuhkan pada 14 Mac 1948 di Masjidul Illyah As-Syazif, Channing Semanggol, Perak.

³ Dari segi dasarnya PAS ditubuhkan pada tahun 1951 dan didaftarkan pada tahun 1955 untuk memasuki pihak-pihak Persekutuan 1957. Iihat Ramli Adam 1996 *Perhimpunan Ullahoy Seatu Kerohanian Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 138.

⁴ Ditubuhkan pada 11 November 1955. Ahmad Boestamam dilantik sebagai Ketua Umum yang pertama. Iihat Ahmad Boestamam 1972 *Meranti Jalan Ke Pemerintah Kuala Lumpur Putaka Kajora*, hlm. 45-51.

⁵ Digenjuk oleh rakyat-susila Melayu yang hanya berpasu hati sekeras mengalahkan rautan quo deo berharapnya dengan Inggeris untuk kemerdekaan negara bagi menjaga kepentingan mereka dan orang-orang Melayu.

⁶ United Malays National Organization (UMNO) atau dalam akronim Melayu: PI-KI-MIAR + Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ditubuhkan pada 11 Mei 1946 di Istana Sultan Johor, Johor Bahru oleh pakatan 39 buah pertubuhan Melayu seluruh Tanah Melayu termasuk PKMM akhirnya meraih Kongres Melayu 1946 di Kelab Sultan Selangor, Kuala Lumpur yang berlangsung pada 1-4 Mac 1946. UMNO ditubuhkan semata-mata untuk memantang Melayu-Umno dengan bersikap-sikap "Hidup Melayu" yang didefinisikan oleh Dr. Goh Jiau Eng juga Zahiden Ismail 2000 "Penubuhan dan Perjayaan Politik Dr. Harun Nasuha Perhimpunan Tentera Aspek Islam". Laporan Ilmiah Sarjana Muadzamah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 12 dan 17.

⁷ Melalui Harold Mac Michael, pemeringkat Inggeris memperkenalkan gagasan Malayan Union bagi menyelesaikan sebuah negara kesatuan di Melayu. Iihat juga Abdulrahman Ayub 1981 *Cara Pemerintahan Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 26 yang menyatakan British kembali berkumpul di Tanah Melayu pada 12 September 1945 dan memperkenalkan Malayan Union pada bulan Mac 1946.

Bertolak dari sinilah, Ahmad Boestamam sebagai seorang tokoh nasionalis kiri yang terlibat secara langsung dalam kancan kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu terutama dalam *periode* (1937-1948) telah cuba mengangkat mesaj nasionalisme menerusi novel-novelnya. Analisis terhadap teks kajian di dapat hanya sembilan daripada sepuluh buah novel beliau yang memperlihatkan wujudnya pancaran pemikiran politik berteras nasionalisme. Penemuan yang diperolehi menerusi analisis isi kandungan secara kuantitatif menunjukkan bahawa mesaj nasionalisme terdapat dalam 65 muka surat daripada 1245 halaman keseluruhan tek kajian. Ini bermakna mesaj nasionalisme dipancarkan menerusi sembilan buah novel Ahmad Boestamam hanya sebanyak 5% sahaja. Perincian yang diperolehi adalah seperti berikut:

- I. *Cielup Menjelang Terung* (1956) : 4 halaman (5%)
- II. *Kabus Pagi* (1958) : 9 halaman (7%)
- III. *Pucar Merah Malaya* (1959) : 9 halaman (11%)
- IV. *Lorong Seribu Liku* (1964) : 7 halaman (7%)
- V. *Ciaris Hitam Membelah Langit* (1966) : 10 halaman (4%)
- VI. *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) : 13 halaman (11%)
- VII. *Konfrontasi* (1967) : 5 halaman (4%)
- VIII. *Ali Nastro* (1968) : 4 halaman (4%)
- IX. *Rumah Kaca Digegar Ciempa* (1969) : 4 halaman (3%)

Kesemua sembilan buah novel ini secara umumnya mengandungi mesaj nasionalisme tetapi tidak sampai melebihi 15% yang menggambarkan bahawa mesaj tersebut tidak mendominasi tema dan persoalan sesbuah novel sebaliknya merupakan mesaj silitan di antara *major* mesaj seperti sosial, ekonomi dan pengalaman pengarang.

Walau bagaimanapun kajian mendapati bahawa mesej nasionalisme terbentuk melalui dua unsur utama iaitu:

- i Perjuangan Politik Tanah Air
- ii Negara-bangsa.

3.2 NASIONALISME DALAM KONTEKS PERJUANGAN POLITIK TANAH AIR

Bertitik-tolak daripada senario sejarah nasionalisme yang melanda negara, Ahmad Boestamam sebagai nasionalis kiri menggunakan beberapa buah novelnya untuk memancarkan semangat nasionalisme itu di kalangan bangsa Melayu. Genre novel dianggap mampu menyampaikan mesej perjuangan politik tanah air secara halus tanpa bimbang terhadap kekangan daripada pihak penjajah. Hal ini turut diakui oleh Abdullah Tahir. Katanya, "Ahmad Boestamam bijak mencipta fiksyen sehingga tidak menimbulkan kecurigaan malah tidak ditakuti pemerintah (British) (1988: 28). Ini terbukti bahawa beliau berjaya mencipta sebanyak 19 buah novel sewaktu pada zaman pancaroba itu".

Dalam konteks perjuangan politik tanah air, semangat nasionalisme yang dipancarkan menerusi novel-novel beliau dapat dipisahkan mengikut sub-topik seperti dinyatakan di bawah ini, tetapi cerita atau mesej yang dipersembahkan oleh pengarang telah digabung-jalin antara satu dengan yang lain secara fiksyen berasaskan tema dan persoalan novel. Pembinaan sub-topik ini hanya untuk memudahkan kajian yang memfokuskan terhadap lima perkara berikut:

- i. Perjuangan kemerdekaan
- ii. Laungan “merdeka”
- iii. Penubuhan parti politik
- iv. Kecintaan terhadap leluhur
- v. Mendaulatkan bahasa Melayu

3.2.1 Perjuangan Kemerdekaan

Isu perjuangan kemerdekaan begitu ketara sekali dalam novel *Kabus Pagi* (1958). Misalnya, unsur nasionalisme ini dipaparkan menerusi perbualan Aminah dan Mokhtar. Aminah adalah janda Mokhtar, seorang nasionalis kiri. Dia bercerai menerusi fasah ketika Mokhtar ditahan oleh British di bawah ISA sebagai tahanan politik. Aminah menuntut cerai kerana ingin berkahwin dengan Ibrahim seorang sarjan polis yang secara kebetulan bertugas di sebuah pekan kecil berdekatan dengan kampung Mokhtar.

Namun perkahwinan mereka tidak kekal lama. Ibrahim menceraikan Aminah apabila dia ditukarkan ke Sungkai, Perak. Aminah menjadi janda untuk kali kedua. Dalam waktu menjanda kali kedua itu, dia cuba pula memikat Mokhtar apabila dilihatnya Mokhtar sudah bebas dari tahan politik dan berjaya pula membuka kedai jahit di kampung mereka. Sewaktu berbual dengan Mokhtar, Aminah bercakap fasal perjuangan politik bagi menarik perhatian bekas suaminya itu. Contohnya:

“Encik Mokhtar tak ingin masuk UMNO?”

“Tidak,” jawab Mokhtar.

“Kenapa tidak? Bukankah UMNO sekarang sudah jauh beza daripada waktu dia di bawah pimpinan Dato’ Onn dulu? Semboyannya sudah tidak lagi “Hidup Melayu” tetapi “Merdeka”. Dia sekarang sudah berjuang untuk

rakyat dan demokrasi. Malaya merdeka, demokrasi dan berdaulat ke dalam dan ke luar, ialah cita-citanya kini. Bukanakah tidak ada bezanya di antara cita-citanya itu dengan cita-cita yang Encik Mokhtar perjuangkan dulu?" (*Kabus Pagi* 1958: 81-82)

Mesej nasionalisme dapat dikesan apabila perbualan Aminah-Mokhtar menyentuh persoalan perjuangan politik dalam era pra-pembebasan tanah air daripada penjajahan. Malahan penekanan terhadap nasionalisme begitu keras dan tegas sekali disuarakan pengarang menerusi watak Aminah.

"Oh! Encik Mokhtar mahu berhat dan menonton sahaja ya? Mahu makan pisang berkopak, apa? Alangkah malunya itu? Andainya Malaya merdeka kelak Encik Mokhtar mahu mengecap nikmatnya dengan tidak turut berjuang, dengan tidak memberi korban apa-apa." (*Kabus Pagi* 1958: 83)

Penegasan idealisme politik bercorak nasionalisme yang begitu keras lagi tegas itu sebenarnya ditujukan kepada masyarakat Melayu supaya bangun berjuang bersama-sama UMNO bagi menuntut kemerdekaan daripada British. Jika dihubungkan dengan teks sosial, waktu itu (novel *Kabus Pagi* ditulis pada tahun 1947) orang Melayu baru sahaja meraih kejayaan kerana berjaya menumpaskan MU.

Sebilangan besar masyarakat Melayu ketika itu masih belum lagi memikirkan persoalan kemerdekaan negara kecuali nasionalis Melayu kiri seperti Ahmad Boestamam, Ishak Haji Mohamad, Ibrahim Yaakob, Dr Burhanuddin Al Helmi dan sebagainya. Tetapi dalam *Kabus Pagi* (1958) kontradik sifatnya dengan perjuangan politik Ahmad Boestamam di luar teks kajian.

Ahmad Boestamam di dalam teks sosial jelas tidak mahu berkompromi dengan UMNO dalam proses menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada Inggeris. Walhal dalam *Kubus Pagi* (1958) pengarang seolah-olah menyeru orang Melayu bersatu berjuang dengan UMNO demi kemerdekaan tanah air

Walau bagaimanapun kontradisi ini terjawab dalam novelnya berjudul *Sorong Makan Tarik Makan* (1966: 23) yang memaparkan sikapnya terhadap perjuangan politik khususnya dari aspek nasionalisme. Menurut pengarang walau bagaimanapun beliau selamanya memberikan restu kepada setiap usaha siapa saja untuk mencapai kemerdekaan tanah air kita ini dan hapusnya penjajahan Inggeris dari bumi tanah airnya

Jelas apabila menyentuh mengenai nasionalisme, Ahmad Boestamam dapat "melupakan" prinsip perjuangan politik demi membebaskan tanah air daripada penjajahan. Abdul Samad Idris dalam kertas kerja bertajuk "Boestamam Berjuang Menebus Maruah Negaranya" membuktikan sikap politik Ahmad Boestamam dengan menyebut bahawa,

Boestamam seorang bangsa yang berjasa. Malah beliau ikut sama memberikan sumbangan fikiran dalam penubuhan UMNO di peringkat awal mewakili partinya PKMM. Seperti kita maklum UMNO ditubuhkan atas dasar badan gabungan pimpinan Dato' Onn Jaafar pada 1-4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. PKMM adalah salah satu dari 41 badan gabungan yang mengasaskan UMNO (9 April 1983)

Justeru itu dalam *Kubus Pagi* (1958) beliau secara telus mempersoalkan dan mengkritik sikap sesetengah orang Melayu yang tidak menghiraukan perjuangan UMNO untuk kemerdekaan negara.

Lantaran itu pengarang menyindir sikap pasif orang Melayu hanya berpeluk tubuh dan mengecap nikmat kemerdekaan tanpa berkorban ke arah itu. Pengarang mempersoalkan sikap bangsanya. Antara lain bidasannya ialah:

Kesedaran orang-orang kita Melayu ini hanya baru setakat kulit sahaja, belum sampai ke isinya lagi. Mereka nampaknya mahu kepada pisang yang telah berkopak. Mereka mahu senang tetapi enggan bertenaga. Mereka mahu bersama-sama kita sewaktu mengikut arus. Kemudian mereka lari dari kita macam tikus dikejar kucing bila terpaksa menentang arus. Masakan tidak juik kita menghadapi masyarakat yang demikian kej siapnya? (*Kabus Pagi* 1958: 44-45)

Demikian juga halnya dalam *Sorong Makan Tarik Makan* (1966), pengarang tidak berselindung lagi menyatakan kejengkelannya terhadap kesedaran politik bangsanya. Dia amat menyesali kesedaran politik orang Melayu yang disifatkannya sebagai peribahasa, berkerat rotan, berpatah arang. Pengarang menyimpulkan begini

Kepada kebanyakan orang-orang Melayu, demikian kesimpulan pendapatnya, pertentangan politik tidak lain permusuhan badan dan jiwa Persaudaraan hilang, hubungan sosial lenyap, dan yang bertentangan dalam politik itu menjadi anjing dengan kucing yang sanggup bercakaran dan berbunuh-bunuhan (hlm. 112).

Lantas pengarang mentafsirkan bahawa kebanyakan bangsanya tidak patriotik. Tidak sanggup menentang arus sebaliknya mudah kalah dalam perjuangan politik yang penuh ranjau dan duri. Pemikiran politik yang bersifat patriotik ini merupakan antara ciri-ciri nasionalisme iaitu *patriotisme* yang bererti, cinta mendalam terhadap tanah air (*Kamus Dewan*, 1994: 987). Kecintaan itu harus dibuktikan dengan pengorbanan. Manakala pengorbanan pula menagih risiko yang tinggi.

Dalam konteks petikan halaman 83 di atas, dialog Aminah-Mokhtar kontradik sifatnya. Apakah Mokhtar yang telah diperosokkan ke dalam penjara oleh penjajah, sekaligus “kehilangan” isteri, bukankah pengorbanan namanya? Apakah Mokhtar tidak memiliki sifat patriotik sedangkan sebelum ditahan British, dia pernah bergerak dalam sebuah parti politik kiri yang terang-terang memperjuangkan kemerdekaan negara?

Demikian persoalan nasionalisme itu berlebar dalam *Kabus Pagi* (1958) yang menggambarkan watak Mokhtar sebagai patriot yang menjunjung patriotisme, berpendirian tegas terhadap keyakinan politiknya berbanding watak Aminah seorang oportunist yang bijak memperalatkan retorik politik bagi kepentingan sendiri. Fenomena ini barangkali terjadi di kalangan masyarakat Melayu ketika kebangkitan semangat nasionalisme melanda negara ini terutama pada zaman pra-merdeka.

Berbeza pula dalam novel *Konfrontasi* (1967), gagasan perjuangan politik tanah air bukan hanya dimanifestasikan melalui watak Hashim tetapi menerusi pemakaian judul. Judul *Konfrontasi* mengingatkan kita kepada sejarah luka antara Malaysia dan Indonesia yang membabitkan isu penentangan negara jiran itu terhadap penubuhan Malaysia pada 16 September 1963. Indonesia tidak bersetuju gabungan Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak menjadi sebuah negara bernama Malaysia.

Penentangan ini terkenal dengan jolokan “Ganyang Malaysia” oleh Indonesia sehingga melahirkan pertelingkahan di antara kedua-dua negara berjiran. Ahmad Boestamam mengambil episod sejarah itu sebagai judul novelnya dan mengarap tema persengketaan suami isteri antara Hashim dan Mariam yang diibaratkannya sebagai detik-detik hitam yang melanda negara iaitu “konfrontasi Malaysia-Indonesia”.

Dalam novel ini, semangat nasionalisme dipancarkan menerusi interior monolog watak Hashim, misalnya;

Dia pernah mendengarkan orang-orang mengatakan bahawa Indonesia dan Malaysia ialah saudara sedarah sedaging. Tidak patut, kata mereka lagi, bangsa dua bersaudara bergaduh sesama sendiri.

Cierutu Hashim lagi

Dia bukan orang politik dan dengan demikian otaknya tidak pernah memikirkan soal-soal politik selama ini. Dia tidak tahu apa sebabnya dan apa perlunya Indonesia dan Malaysia, saudara sedarah sedaging atau bangsa dua bersaudara, berkonfrontasi. (*Konfrontasi* 1967: 98)

Dalam konteks petikan itu, pengarang jelas menyindir pemimpin politik kedua-dua negara yang bersengketa kerana bergaduh sesama sendiri walhal mereka (Indonesia-Malaysia) adalah jiran tetangga serumpun sebangsa, seagama dengan menggunakan satu *linguis-franca* iaitu bahasa Melayu, masakan bolch bertelingkah!

Pandangan Hashim itu menggambarkan semangat nasionalisme yang tinggi berbanding penguasa politik ketika itu (zaman konfrontasi) yang rela tanah airnya terjebak ke dalam kancan kehancuran lantaran pertelingkahan tersebut.

Manifestasi nasionalisme khasnya berkaitan skop perjuangan politik tanah air tidak hanya dipaparkan menerusi dialog, monolog atau kenyataan tetapi melebar dengan meramalkan unsur-unsur simbol atau lambang. Lihat watak proaktif Musa Hassan (Musafir Ihsan) dalam *Cielap Menyelang Terang* (1956) yang dijadikan sebagai pemuda Malaya yang sanggup meninggalkan kampung halaman untuk merantau, semata-mata kerana mahu menimba pengalaman ketenteraan di Indonesia.

Apakah rasionalnya Musa Hassan ke Indonesia sedang negaranya, Tanah Melayu sedang dijajah? Seharusnya dia berada di tanah air sendiri dan berjuang menentang British yang menjajah negaranya! Apakah yang tersirat di sebalik tindakan Musa Hassan itu? Jika dilihat secara zahirnya, Musa Hassan seorang pengecut kerana lari daripada tanggungjawab memelihara watan! Tetapi pengarang tidak pula berniat demikian, sebaliknya penghijrahan sementara Musa Hassan ke Indonesia itu dilihat secara hakikat bahawa dia disifatkan memiliki semangat patriotik kerana sanggup berkorban menimba ilmu ketenteraan di luar negara seraya menukarkan semangat nasionalisme kepada warga Tanah Melayu agar mencontohi perjuangan revolusi Indonesia. Kata-kata semangat Musa Hassan diolah oleh pengarang begini

Sebagai seorang tentera maka saya adalah bersama-sama dengan seluruh rakyat Indonesia memberikan derma bakti saya dalam tiap peringkat, tiap pergolakan revolusi nasional di sana guna mempertahankan kemerdekaan yang telah diproklamirkan. Tidak salah kalau saya katakan bahawa saya telah melihat dan mengambil bahagian dalam banyak pertempuran di Sumatera termasuk Padang. Lagu "Maju Ke Kota Padang" yang bersemangat itu . lagu pengibar semangat yang popular waktu perjuangan merebut kota Padang dari tangan musuh (*Cikap Menjelang Terang* 1956: 10)

Watak ini difiksyenkan sebegini rupe bagi menaikkan semangat perjuangan kebangsaan di kalangan pemuda-pemudi Malaya supaya bangkit membebaskan negara daripada penjajahan. Musa Hassan sebenarnya tidak wujud tetapi merupakan simbol atau imej nasionalisme berpaksikan "Merdeka dengan Darah", slogan bersemangat API yang pernah dipimpin oleh pengarang *Cikap Menjelang Terang* (1956) itu.

Pengarang menggunakan latar Indonesia kerana negara itu sudah merdeka iaitu pada 17 Ogos 1945 tetapi Malaya masih jauh lagi dari ambang kebebasan. Tanah Melayu masih

dicengkam penjajah. Tanah Melayu perlu berusaha untuk kemerdekaan. Kaedah yang mana harus diambil, kompromi atau revolusi bagi merebut tumpok kedaulatan itu? Justeru pengarang memilih revolusi.

Hakikatnya, mahu tidak mahu, pada pandangan pengarang, Tanah Melayu perlu belajar dari Indonesia kerana negara itu berpengalaman luas bertahun-tahun berjuang secara revolusi menentang Belanda demi merebut kemerdekaan sehingga ke titisan darah yang terakhir. Tegas pengarang via watak Musa Hassan:

Bila saja saya telah berasa yang saya telah punya kelayakan tersebut maka saya sebolch-bolehnya akan mencuba balik ke Malaya untuk berkhidmat pula kepada tanah Malaya yang tercinta, untuk turut bersama-sama dengan menempuh susah senang, ketawa atau tangis, dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan yang sedang hebat diperjuangkan oleh seluruh rakyatnya yang insaf dan sedar sekarang (*Cielap Menyelang Terang* 1956, 15)

Jelas sekali pengarang ingin menyampaikan mesej kepada pembaca bahawa perjuangan kemerdekaan memerlukan tenaga muda yang bukan sahaja tahan lasak, tahan uji serta kuat semangat tetapi juga harus memiliki ilmu ketenteraan bagi menghadapi musuh kerana proses merebut kemerdekaan secara revolusi sesuatu yang dituntut oleh keadaan semasa.

Pengarang menyifatkan bahawa kemerdekaan tidak datang menggolek sebaliknya memerlukan sama ada strategi peperangan maupun strategi politik yang ampuh. Justeru berguru dengan negara Indonesia yang sudah merdeka adalah jalan sebaik-baiknya. Apatah lagi Indonesia disifatnya sebagai "darah daging" dan "sebangsa seagama". Bahkan jika ditinjau dari sudut teks sosial, gerakan nasionalisme di Tanah Melayu, peranan beberapa

tokoh nasionalis Indonesia seperti Tan Malaka, Sutan Djianian dan Mokhtarudin Laso yang aktif menyuntik semangat kebangsaan di kalangan nasionalis kiri tempatan merupakan faktor kenapa pengarang begitu yakin sekali terhadap fungsi negara jiran itu.

3.2.2 Laungan “Merdeka”

Perjuangan kemerdekaan yang dicetuskan Ahmad Boestamam tidak hanya dinyatakan secara terus terang melalui dialog maupun di dalam episod penceritaan tetapi melebar pula dengan pemaparan perkataan “Merdeka” dalam teks kajian, yang pengkaji namakan sebagai teknik suntikan sensitiviti.

Secara umumnya pengertian “suntikan sensitiviti” merupakan pemakaian sesuatu perkataan yang disifatkan mempunyai impak untuk mengangkat dan menonjolkan mesej di dalam sesebuah cerita atau episod. Kekerapan pemaparan sesuatu perkataan itu boleh menggamit perhatian atau sensitiviti pembaca untuk menilai mesej yang ingin disampaikan pengarang. Dalam konteks kajian perkataan “Merdeka” digunakan pengarang untuk menonjolkan mesej nasionalisme. Ini dapat dilihat dalam novel-novel seperti *Gelap Menjelang Terang* (1956), *Kabus Pagi* (1958), *Pacar Merah Malaya* (1959) dan *Garis Hitam Membelah Langit* (1966) perkataan “Merdeka” cukup lumrah dipaparkan oleh pengarang. Kesemua ini adalah contoh-contoh pemakaian kaedah tersebut.

Fungsi teknik suntikan sensitiviti terbahagi kepada dua implikasi iaitu:

- a. Bagi menimbulkan inspirasi dan ilham agar sensitiviti pembaca novel terpanggil untuk membabitkan diri dalam proses perjuangan kemerdekaan tanah air.

- b. Menggambarkan impak cerita atau tema novel yang menjurus terhadap mesej nasionalisme.

Laungan atau pekikan “Merdeka” sebenarnya sinonim dengan Ahmad Boestamam. Sejarah perjuangan politiknya pernah diwarna dan diuliti dengan gerakan kebangsaan menuntut kemerdekaan yang agak dominan dengan landasan ideologi politik kekiran. Laungan atau pekikan “Merdeka” muncul pertama kalinya dalam kancah perjuangan politik di Tanah Melayu daripada mulut beliau sendiri (Zabidin Hj. Ismail, 1996:20). Dalam konteks ini, Abdul Samad Idris (Kertas Kerja, 9 April 1983) turut mengakui bahawa:

Hari ini, dengan izin Allah, saya berkesempatan datang lagi ke bumi bertuah Kuala Kangsar ini bagi mengenang hamba Allah (Ahmad Boestamam) yang dari mulutnya pernah terpancar “Merdeka” sebagai slogan partinya, sebelum parti beliau PKMM dan API diharamkan oleh penajah Inggeris.

Ini bererti laungan “Merdeka” begitu dominan sekali di persada politik Tanah Melayu sebelum slogan “Hidup Melayu” berkumandang mengisi ruang angkasa langit politik tanah air. Slogan kepunyaan UMNO itu menjadi *suntikan sensitiviti* orang Melayu dalam perjuangannya menumpaskan UM. Tetapi kemudian slogan “Hidup Melayu” ditukar kepada “Merdeka” oleh Perhimpunan Agung UMNO peringkat kebangsaan ekoran kesan ucapan penangguhan Abdul Samad Idris dalam satu Mesyuarat Agung UMNO Bahagian (27-29 Ogos 1950) di Kuala Kangsar (A Samad Idris: 9 April 1983).

Kesinoniman dan kesegaran ingatan laungan “Merdeka” dengan Ahmad Boestamam barangkali mempengaruhi minda beliau menggunakan teknik suntikan sensitiviti sebagai alat untuk menonjolkan mesej nasionalisme dalam karyanya, apatah lagi

perkataan itu amat relevan dengan situasi zaman pancaroba menuntut kemerdekaan tanah air. Terdapat dua cara pengarang menggunakan teknik suntikan sensitiviti di dalam novelnya iaitu:

- a. Ia diaplikasikan oleh pengarang dengan hanya mencatatkan perkataan "Merdeka" pada pengakhiran surat atau paragraf.
- b. Melalui pekikan atau laungan "Merdeka" oleh protagonis atau watak tertentu ketika berbual-bual sesama rakan terutama sewaktu menamatkan sesuatu perbincangan atau perbualan.

Cara (a) dapat diteliti bagaimana pengarang menggunakan teknik suntikan sensitiviti berdasarkan format penulisan surat:

Cukuplah sekian dulu, Bung. Sampai lain kali disambung lagi. Dan jika kita sama-sama berumur panjang pasti sampai ketemu pula. Salam saya suami isteri kepada Bung.

Merdeka!

(Musafir Ehsan) (*Cielup Menjelang Terang* 1956) : 16)

Akhirnya jangan lupakan tempik yang pernah kita ngauarkan selama dalam tahanan dulu, iaitu "Merdeka!!"

Kawanmu,

Mokhtar dan Ahmad (*Kubus Pagi* (1958) : 60)

Demikian juga cara (a) meletakkan perkataan "Merdeka" pada pengakhiran paragraf. Lihat petikan novel *Pacar Merah Malaya* (1959: 1) seperti di bawah ini:

Penutupnya si pengarang buku ini berharap mogamoga buah kalamnya yang tidak sepertinya ini akan mendapat sambutan dari segenap lapisan bangsa Melayu khasnya pemuda-pemudanya. Untuk menambah perpustakaan mereka itu.

Merdeka!

Ahmad Boestamam

Kuala Lumpur: 1 Jun 1947

Manakala cara (b) boleh dikesan dalam *Garis Hitam Membelah Langit* (1966).

Lihat petikan-petikan di bawah ini:

Sebagaimana datangnya tadi Lebai Hassan dan kawan-kawannya meninggalkan pejabat Pegawai Pilihanraya itu dengan senyap-senyap dan Zamri serta penyokong-penyokonya pula meninggalkannya dengan barisan perarakan. Tempikan “MERDEKA! MERDEKA!” bergempita menggemaai suasana (*Garis Hitam Membelah Langit* 1966: 130)

Pemaparan perkataan “Merdeka” menggambarkan sikap pengarang yang begitu kental dengan semangat nasionalisme. Seolah-olah perkataan itu dijadikannya sebagai azimat bagi menyuntik sensitiviti pembaca agar turut sama berjuang menuntut kemerdekaan tanah air.

3.2.3 Penubuhan Parti Politik

Nasionalisme dalam konteks perjuangan politik mencakupi pelbagai aspek termasuk usaha-usaha menuuhkan organisasi atau parti politik. Ia merupakan alat untuk mencapai atau merealisasikan matlamat dan cita-cita sesebuah pergerakan politik. Novel *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) secara terperinci memaparkan kisah penubuhan sebuah parti politik yang dikenali sebagai Parti Murba (PAMUR).

Melalui objektif PAMUR pengarang menyatakan pemikiran politiknya yang berteraskan nasionalisme iaitu:

- a. Mewujudkan sebuah negara dengan mengamalkan sistem ekonomi adil untuk rakyat (hlm. 58)

b. Mengelakkan negara agraria di samping menuju ke arah industrialisasi (hlm. 58)

Berdasarkan analisis kedua-dua objektif utama PAMUR itu, pengarang dilihat cuba menonjolkan mesej nasionalisme yang menjurus terhadap kepentingan sebuah negara dan rakyat jelata iaitu aspek yang penting ilmu politik kenegaraan.

Pemikiran politik yang diutarakan dalam novel ini berteraskan pembelaan terhadap golongan marhean. Rakyat dibela melalui pengamalan sistem ekonomi yang adil serta mengekalkan aktiviti agraria (pertanian) yang menjadi sumber pendapatan masyarakat terbanyak, meskipun di waktu yang sama cita-cita untuk memajukan negara berlandaskan perindustrian tidak pula dikesampingkan kerana ia merupakan tuntutan zaman.

3.2.4 Kecintaan Terhadap Leluhur (*Indonesian C'entric*)

Semangat nasionalisme tidak hanya terbatas dalam lingkungan wilayah tanah air tetapi ia melampaui sempadan dan batasan geografi. Apatah lagi perasaan kecintaan yang mendalam itu terpupuk terhadap leluhurnya, walaupun ia berada di luar wilayah sendiri. Dalam konteks kajian, Ahmad Boestamam dalam kebanyakan novelnya memperkenalkan semangat nasionalisme yang merentasi batasan geografi tanah airnya. Semangat nasionalismenya melebar ke negara leluhur, Indonesia meskipun semangat itu tidak pernah luntur terhadap watannya. Sikap tersebut dipanggil sebagai *Indonesian-C'entric*.

Ini tidak harus dinafikan kerana asal-usul pengarang sendiri berakar dari Minangkabau, Sumatera, Indonesia (Ramlah Adam, 1994:1). Kenyataan ini jelas disokong

dengan mengambil sumber petikan interior monolog Hashim dengan menyebut bahawa hatinya mengharapkan yang Mariam, isterinya, tidak akan memandang konfrontasi rumah tangga ini sebagai lanjutan dari konfrontasi Indonesia-Malaysia semata-mata kerana dia keturunan Minangkabau dan Mariam memang tahu hal ini (*Konfrontasi* 1967: 99)

Ahmad Boestamam menyifatkan antara Indonesia dengan Malaysia adalah sebangsa dan serumpun kerana kedua-dua negara ini adalah bumi tumpah darah bangsa Melayu dan termasuk di dalam Gugusan Pulau-pulau Melayu (*Sorong Atakan Turik Makan* 1966: 61). Malahan menerusi konsep Melayu Raya peristiwaran kemerdekaan serentak bagi kedua-dua negara itu telah dicadang dan dirangka melalui KRIS dilihat mempunyai perkaitan dengan sikap *Indonesian Centricity*. Ini kerana pengarang sebolch mungkin cuba melunakkan pembaca dengan memuji dan memuja negara jiran itu agar khalayak sasaran terpengaruh dengan konsep tersebut.

Dalam penulisan fiksyen, keinginan atau hasrat pengarang tidak dinyatakan secara terang kerana boleh menghilangkan estetika. Justeru berdasarkan itu, Ahmad Boestamam memperlihatkan sikap *Indonesian Centricity* secara mendalam scraya menyembunyikan hasrat yang tersirat. Dalam konteks ini, Othman Putch (dlm Mana Sikana 1997: 72) berpendapat seperti berikut:

Pengarang mengungkapkan wacana naratifnya tidak sekadar memberikan hiburan kepada pembacanya di samping wujudnya tujuan estetika, untuk memperoleh kepuasan batin cuma. Lebih daripada itu ia membawa gagasan pemikiran sama ada secara individual dan atau mungkin mewakili kelompok masyarakat tertentu yang dihantar dengan binaan struktur yang koheren, tidak secara harfiah, candra malah dan lahirlah karya dari daya kreativiti yang metaforik dan atau alegoris dan satira.

Pengarang membina struktur cerita fiksyen yang tidak secara harfiah sifatnya telah melahirkan karya metaforik. Sebagai contoh, lihat petikan novel *Cielup Menyelang Terung* (1956: 8) di bawah ini, pengarang memuji negara jiran tetangga itu, seolah-olah protagonis Musa Hassan (Musafir Ehsan) berada di negara sendiri. Tulisnya

Orang-orang di negara merdeka ini, Bung sangat peramah dan baik hati belaka. Ke mana saya pergi saya mendapat sambutan yang sewajarnya dan bila saya memerlukan sebarang pertolongan pula tak pernah yang dihampaskan. Demikianlah saya melara, merata-rata sehingga akhirnya saya diterima masuk menjadi tentera Republik Indonesia.

Bagi pengarang, Indonesia adalah negaranya sendiri. Nilai pengorbanannya tidak ada batasan, baik di Malaysia maupun di Indonesia. Justeru itu semangat nasionalismenya walaupun tercurah di Malaysia tetapi melimpah juga ke Indonesia. Lantas pengarang menggaskan percayaalah dinda bahawa pemergian kekanda ini bukan kerana dipinta oleh bumi Indonesia jauh sekali daripada dipinta oleh kerajaan Republik Indonesia yang telah berdiri tetapi kerana kekanda berasa itu adalah kewajiban kekanda kepada tanah air (*Puncak Merah Malaya* 1959: 80).

Pancaran *Indonesian Centrism*nya bukan hanya terbatas kepada kontaran kata-kata tetapi dapat dinilai daripada pemilihan simbol. Misalnya dalam novel *Rumah Kaca Digeger Gempa* (1969: 114) pengarang melukiskan isteri Rahmat, Susaniah terkejut mendengar lagu *Teluk Bayur* nyanyian Ernie Johan tiba-tiba sahaja berkumandang dari rumah jiran mereka.

Teluk Bayur adalah nama sebuah pelabuhan di Sumatera Barat manakala Ernie Johan merupakan penyanyi Indonesia yang popular di Malaysia. Jelas, pengarang sengaja memilih lagu Indonesia supaya memperlihatkan sikapnya itu. Lagu *Teluk Bayur* disifatkan sebagai satu simbol yang begitu bermakna bagi menggambarkan *Indonesian Centrism*nya

Contoh lain juga boleh diangkat seperti penukaran nama Ratna Devi, rakyat Malaysia berketurunan India- heroin novel *Rumah Kaca Digegur Cempa* (1969: 104) kepada Ratna Dewi setelah memeluk agama Islam yang seakan-akan menyamai nama isteri mantan Presiden Indonesia, Sukarno (alii Ratna Sari Dewi)³¹. Bahkan protagonis Ali dalam novel *Ali Sastro* pula mengaku bahawa nama sebenarnya ialah Ali Sukarno kerana bijak berpidato (hlm. 5).

Simbol atau lambang yang digunakan pengarang kebanyakannya membawa makna yang tersirat. Beliau memanipulasikan unsur-unsur perlambangan dalam garapan teks bagi menimbulkan kesan atau impak terhadap mesj nasionalisme khusus yang berkaitan dengan *Indonesian Centric*.

Walaupun *Indonesian Centric* ini disifatkan sebagai kecintaan terhadap leluhur tetapi secara implisitnya ia merupakan cara pengarang memujuk pembaca agar sekaligus menghayati/mengenali dalam usaha memasarkan konsep Melayu Raya secara halus. Penyerapan dan pemasaran idealisme itu digarap secara tersirat, kadang-kala tidak tersikup secara zahir oleh daya fikir.

Ahmad Boestamam yang dikatakan sebagai salah seorang aktor sejarah politik tanah air (Ramlah 1994: 383) tentunya sedaya mungkin memanipulasikan fungsi sastera dalam mengetengahkan konsep tersebut, apatah lagi beliau sememangnya memperjuangkan gagasan Melayu Raya bersama-sama nasionalis kiri seperti Ibrahim Yaakob, Dr

³¹ Nama asal buku Sukarno ini ialah Naoko Nemoto kela Jepun dan diterjemah dan dikeluarkan pada bulan Mac 1962.

Burhanuddin Al-Helmi dan Ishak Haji Muhammad melalui PKM, PKMM dan KRIS jika ditinjau dari perspektif sejarah tanah air.

Kegigihan Ahmad Boestamam dalam perjuangan Melayu Raya terbukti ketika memimpin PKMM, API, BPM dan PRM, kerana bukan sahaja melalui organisasi ini, malah gagasan Melayu Raya disebarluaskan juga menerusi arena kewartawanan terutama ketika beliau mengendalikan lidad rasmi parti PKMM iaitu akhbar *Suara Rakyat* di Ipoh dan kemudiannya *Pelita Malaya* apabila markas PKMM berpindah ke Kuala Lumpur (Abdul Rahman Abdullah 1998: 202).

Kajian merumuskan bahawa mesej pemikiran politik disalur berasaskan penampilan *Indonesian Centric* sebagai lambang kecintaan terhadap leluhur serta sekaligus cuba menerapkan konsep Melayu Raya – ideologi politik yang dianuti pengarang.

3.2.5 Mendaulatkan Bahasa Melayu

Bahasa Melayu merupakan *lingua-franca* Nusantara atau Gugusan Pulau-pulau Melayu. Bahasa ini digunakan sebagai bahasa rasmi bagi urusan rasmi kerajaan-kerajaan Melayu lama di seluruh Nusantara. Kewujudannya dibuktikan melalui penemuan batu-batu bersurat atau prasasti di Palembang (Kedudukan Bukit, 638 Masihi), Talang Tuwo (684 Masihi), Pulau Bangka (Kota Kapur, 686 Masihi) dan di Jambi (Karang Berahi, 692 Masihi). Kandungan inskripsi pada batu-batu bersurat itu membuktikan dengan jelas penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa pemerintahan dan bahasa wahana pembentukan sebuah tamadun Melayu. Maka kesayangan *total* oleh pemilik terhadap bahasa bonda itu dianggap sebagai memenuhi tuntutan semangat nasionalisme.

Hakikat ini telah dipamerkan oleh Ahmad Boestamam lewat novel-novelnya. Misalnya dalam *Sorong Makan Tarik Makan* (1966), beliau menekankan bahawa bahasa Melayu mesti didaulatkan sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara ini. Lihat gagasan politiknya berdasarkan dialog antara Rusman dengan Lam Pang Sai di bawah:-

Tiba-tiba Lam Pang Sai sendiri yang mengemukakan suatu pertanyaan. "Bagaimana seharusnya sikap kita tentang bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negeri ini?" tanyanya.

"Kita berpendapat negeri ini harus mempunyai satu saja bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan" Rusman menjawab segera. Orang-orang yang hadir kelihatan tersenyum.

"Apakah bahasa itu? Bahasa Inggeris?" Lam Pang Sai bertanya lagi.

"Tidak. Bahasa Melayu."

"Apa akan jadi dengan bahasa Inggeris?"

"Ia boleh dipelajari sebagai bahasa pengetahuan. Kan baik seseorang itu mengetahui banyak bahasa?" (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966:60)

Melalui watak Rusman, seorang bekas tahanan ISA dan tokoh politik berhaluan kir yang ingin menuju sebuah parti politik, pengarang berhujah tentang rasionalnya pemakaian bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Katanya;

"Tetapi saudara tahu kenapa saya mahu hanya bahasa Melayu saja yang menjadi bahasa rasmi dan kebangsaan yang tunggal bagi negeri ini?"

Dan tambah Rusman lagi;

"Kerana negeri ini negeri Melayu dan termasuk ke dalam Gugusan Pulau-Pulau Melayu." (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966: 61)

Pendirian pengarang terhadap bahasa Melayu agak jelas seperti yang dinyatakan dalam *Lorong Seribu Liku* (1964: 6) dan digambarkan bahawa beliau merupakan pembela bahasa tersebut. Petikan di bawah mempamerkan idealisme politik pengarang melalui watak Kamsani.

Bahasa Melayu mestilah menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang tunggal bagi negeri ini – Persekutuan Tanah Melayu. Dia tidak bersetuju bahasa Inggeris didewa-dewakan oleh rakyat dan pemerintah negeri ini. Bahasa Melayu sudah layak mengambil tempat bahasa Inggeris, menggantikannya sebagai bahasa yang diutamakan dalam negeri ini, demikian dia berkata. Kalau bahasa Indonesia boleh menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang tunggal di negara Republik Indonesia mengapakah bahasa Melayu tidak boleh menjadi bahasa rasmi dan kebangsaan yang tunggal di Persekutuan Tanah Melayu?

Pendirian politik pengarang terhadap mendaulatkan bahasa Melayu begitu konsisten sekali dan ini dikesan misalnya, dalam novel *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) dan *Lorong Seribu Liku* (1964). Melalui kedua-dua novel tersebut, pandangan politik pengarang dapat dinilai dalam memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi PTM yang hendak ditubuhkan itu oleh British pada tahun 1948 setelah bangsa Melayu menolak konsep MU.

3.3 NASIONALISME DALAM KONTEKS NEGARA-BANGSA

Perbincangan mengenai nasionalisme cukup luas kerana ia mencakupi pelbagai aspek politik dan kenegaraan. Justeru itu, di dalam teks kajian persoalan nasionalisme yang berkaitan dengan negara-bangsa agak kerap juga ditonjolkan oleh Ahmad Boestamam.

Rasionalnya, konsep negara-bangsa adalah simbol kepada nasionalisme. Namun begitu bagi menjelaskan maksud negara-bangsa, takrifan Rustam A. Sani boleh dijadikan sandaran kefahaman bagi membicarakan pemikiran politiknya . Menurut beliau bahawa negara-bangsa ialah:

Pada asasnya, sebuah negara-bangsa adalah komuniti politik yang bersifat simbolis, dan dalam zaman moden komuniti politik itu seolah-olah dianggap satu-satunya komuniti politik yang lumrah. Para anggota atau warganya mengesahkan kewujudan komuniti itu, dan keanggotaannya dalam komuniti itu, melalui ikatan hak dan tanggungjawab dengan wilayah kewibawaannya dan hubungan kesetiaan dengan simbol-simbol yang menjadi asas komuniti politik tersebut (1993: 6)

Manakala simbol-simbol yang menjadi asas komuniti politik yang dimaksudkan ialah pelbagai unsur sosial dan budaya adalah asas simbolis sesebuah negara-bangsa, asalkan simbol itu melambangkan kesepaduan kini dan leluhur sejarah (Rustam 1993: 6).

Justeru itu simbol-simbol asas kesepaduan tersebut boleh jadi agama Islam yang asas pembentukan negara-bangsa Pakistan; kesatuan budaya bagi Indonesia; Yahudi (Israel) dan Maharaja-Bapa menjadi asas negara-bangsa Jepun.

Berdasarkan pengertian di atas, pengkaji melihat kehadiran unsur-unsur negara-bangsa dalam konteks nasionalisme yang dipaparkan pengarang di dalam novel-novelnya wajar dibincangkan. Misalnya dalam novel *Lorong Seribu Liku* (1964) pembentukan negara-bangsa Malaya diasaskan kepada kesepaduan pelbagai bangsa majoriti iaitu Melayu, Cina dan India.

Kesepaduan bangsa ini yang dipanggil sebagai bangsa Malaya yang taat setia kepada watannya dapat membentuk sebuah negara Malaya merdeka. Pengarang berhujah via watak Aku dengan berkata: “aku berasa benar-benar hidup dalam suatu Malaya yang merdeka, di tengah-tengah suatu bangsa Malaya yang bersatu yang didukung oleh semua kaum yang tidak berbelah bagi taat setianya kepada Malaya Merdeka itu!” (*Lorong Seribu Liku* 1964: 124)

Keyakinan pengarang terhadap kewujudan sebuah negara-bangsa Malaya adalah berasaskan kesepadan bangsa pelbagai ras. Ini jelas menunjukkan pemikiran politik beliau tidak disempitkan dengan takrifan nasionalisme Melayu³². Pengarang menyanggah nasionalismc yang berasaskan bangsa dan bukan berteraskan ncgara-bangsa. Buktinya beliau menyerang parti Islam yang dikatakan berpegang kepada nasionalisme Melayu. Tempelaknya:

Parti Islam, parti lawan kita, mendakwa berjuang kerana kepentingan orang-orang Melayu semata-mata. Kononnya mereka berjuang atas dasar kebangsaan Melayu. Benarkah demikian? Dan jika benar demikian adakah dasar perjuangan itu baik bagi sebuah negeri berbilang kaum seperti di negeri kita ini? (*Garis Hitam Membelah Langit* 1966: 143)

Sebaliknya pengarang melihat skop nasionalisme itu meliputi dalam *milieu* negara-bangsa yang realiti penduduknya berbilang bangsa. Pancaran pemikiran politik ini barangkali ditulis dalam era pra-merdeka kerana pengarang mengklasifikasikan Malaya sebagai sebuah negara-bangsa. Penekanan kepada kesepadan bangsa pelbagai ras terbukti dalam *Garis Hitam Membelah Langit* (1966 : 142) yang menyebut:

Bagi negeri berbilang bangsa seperti negeri kita ini syarat mutlak kepada perdamaian di dalamnya tidak lain dari persahabatan dan baik-sangka di antara satu kaum – di antara orang-orang Melayu dengan orang-orang Tionghua, di antara orang-orang Tionghua dengan orang-orang India, di antara orang-orang Melayu dengan orang- India dan seterusnya. Sebab itulah partai kita ini kita buka pintunya kepada seluruh kaum di negeri ini yang menjadi rakyatnya dan tidak kepada satu-satu kaum saja.

³² Fahaman kebangsaan yang berteraskan hanya bangsa Melayu, negara dan agama.

Daripada kesepaduan bangsa yang ampuh itu maka lahirlah sebuah bangsa yang kuat. Keyakinan pengarang terhadap konsep tersebut dihuraikan dalam novel yang sama. Katanya:

Adalah menjadi keyakinan kita persahabatan dan baik sangka di antara kaum-kaum yang mendiami negeri ini boleh akhirnya melahirkan suatu bangsa Malaya yang bersatu, suatu bangsa-negara yang penting ada pada sesebuah negeri yang merdeka. Dan suatu bangsa Malaya yang bersatu dan damai akan dapat dengan pastinya mengusahakan dan melahirkan kemakmuran negara (*Garis Hitam Membelah Langit* 1966: 124)

Begitu juga dalam *Rumah Kaca Digegar Gempa* (1969) pengarang sekali lagi melebarkan keyakinannya bahawa kesepaduan bangsa mesti wujud sebagai asas pembentukan sebuah negara-bangsa. Namun, pada kali ini pengarang menyebut bangsa Malaysia, tidak pula bangsa Malaya. Ini kerana Malaya sudah merdeka. Mesejnya klihatan menyeru rakyat Malaysia supaya bersatu erat bagi mengekalkan kemerdekaan yang telah diperolehi. Ketiga-tiga bangsa majoriti (Melayu, Cina dan India) perlu berganding bahu, seiring dan senada dalam *milieu perpaduan nasional*. Buktinya lihat petikan ini:

“Itu sudah sewajarnya, kan?” Ratna Devi kini memberikan fikirannya. “Kita datang dari negeri yang satu, kita tinggal berhampiran di London dan kita pun memerlukan tiub yang satu itu juga untuk kemudahan perjalanan kita.”

“Dirgahayu Malaysia!” seru Rahmat.

“Dirgahayu perpaduan kaum di tanah air kita! Tambah Sian Lock.

“Dirgahayu bangsa Malaysia tanpa mengira warna kulit dan kepercayaan,” Ratna Devi menggenapkan seruannya (*Rumah Kaca Digegar Gempa* 1969: 6)

Ungkapan yang dilontarkan Ratna Devi: “Dirgahayu bangsa Malaysia tanpa mengira warna kulit dan kepercayaan” jelas menggambarkan pandangan pengarang terhadap betapa pentingnya kesepaduan bangsa sebagai asas pembentukan sebuah negara-bangsa Malaysia. Ini diperkuatkan dengan frasa berbentuk falsafah: “kitapun memerlukan

tiub yang satu itu juga untuk kemudahan perjalanan kita” yang boleh ditafsirkan secara bebas bahawa mereka (Rahmat, Ratna Devi dan Su Sian Lock – lambang rakyat berbilang kaum) yang memerlukan sebuah negara (tiub yang satu itu) sebagai tempat tinggal yang aman bagi menuju kesejahteraan. “Tiub yang satu itu” di sini dilihat sebagai metafora yang membandingkan objek semasa dengan negara yang didiami oleh watak-watak tersebut.

Hakikat untuk hidup aman sentosa dalam komuniti majmuk di sebuah negara seperti Malaysia, faktor utama ialah perlunya wujud kesepaduan bangsa. Maka pengarang mentakrifkan kesepaduan bangsa itu dengan mengemukakan dua konsep iaitu:

- i Konsep kahwin campur dalam bidang sosial-komuniti
- ii Konsep perkongsian bijak dalam kerjaya profesional.

Bagi pengarang, kedua-dua konsep ini wajar dipraktikkan oleh rakyat multi-etnik bagi melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang progresif. Keyakinan pengarang berhubung dengan kedua-dua konsep tersebut dapat dilihat dalam novel tersebut.

Umpamanya, konsep kahwin campur dipaparkan melalui perkahwinan Rahmat, Ratna Devi dan Su Sian Lock menerusi “nikah tiga segi” yang menyaksikan Rahmat sebagai ketua keluarga masih lagi seorang Islam manakala Ratna Devi dan Su Sian Lock memeluk agama suaminya. Simbolisnya dapat ditafsirkan bahawa keluarga ini ibarat negara Malaysia yang agama rasminya Islam (lambang watak Rahmat) walaupun rakyatnya berbilang bangsa.

Mesejnya jelas, bagi mewujudkan kesepaduan bangsa – elemen kahwin campur adalah laluan terbaik ke arah itu walaupun pada hakikatnya nikah tiga segi sukar menjadi realiti kehidupan, bahkan agak keterlaluan jika diamalkan, tetapi tidak pula mustahil!

Selain unsur kesepaduan bangsa, perkongsian bijak dalam profesionalisme juga diterapkan. Contohnya Rahmat dan Ratna Dewi membuka firma guaman – peguambela dan peguamcara Ratna & Rahmat di Kuala Lumpur (*Rumah Kaca Digegar Gempa* 1969:104) yang boleh menyemai dan menyuburkan benih-benih kesepaduan bangsa itu.

Melalui novel ini pengarang melahirkan pemikiran politik berteraskan nasionalisme dengan memaparkan unsur-unsur negara-bangsa yang tersorok dalam intrinsik manipulatif yang menelurkan mesej utama iaitu mewujudkan sebuah komuniti politik iaitu bangsa Malaysia.

Dan, kajian ini mendapati Ahmad Boestamam mengusulkan istilah bangsa Malaysia dalam *Rumah Kaca Digegar Gempa* (1969) kira-kira dua dekad lebih dahulu daripada Dr Mahathir Mohamad dalam kertas kerjanya; *Malaysia: The Way Forward*, Februari 28; 1991 (Zurinah Hassan 1994: 2-3).

Ini menunjukkan karya sastera Ahmad Boestamam mengemukakan pemikiran politik futuristik tetapi malangnya *audien* tidak terkesan akan kehadirannya malahan ada setengah sarjana sastera Melayu mengkritik dan menganggap bahawa novel-novel beliau sebagai karya picisan (Ramlah Adam 1994:356).

Walau apapun pandangan sarjana baik sastera mahupun sejarah terhadap karya Ahmad Boestamam, tetapi apa yang lebih penting ialah mesej pemikiran politik yang ditonjolkan. Justeru itu, pengkaji melihat kehadiran pemikiran politik pengarang terhadap konsep negara-bangsa terarah kepada dua kategori berlainan dari segi keperluan semasa tetapi memiliki unjuran yang sama. Misalnya, sewaktu PTM atau Malaya di zaman pramerdeka, pengarang mengusulkan supaya kesepaduan bangsa diwujudkan melalui konsep bangsa Malaya.

Manakala setelah terbentuknya sebuah negara bernama Malaysia hasil gabungan Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Borneo (Sabah dan Sarawak) dan Singapura pada 16 September 1963, pemikiran politik negara-bangsanya beralih kepada konsep bangsa Malaysia. Walau bagaimanapun konsep ini tidak begitu jelas sama ada hanya merupakan gagasan daripada sudut kepentingan politik atau untuk membentuk satu rupa bangsa yang baru bagi sesebuah negara bangsa.

Rasionalnya kalau bertujuan untuk kepentingan politik, gagasan ini dapat diterima kerana dalam sistem demokrasi perwakilan, parti yang mendapat undi popular terbanyak dapat memerintah dan membentuk kerajaan. Justeru perkenalan konsep ini merupakan satu cara untuk memperolehi penyokong daripada semua ras yang mengundi dalam pilihanraya, apatah lagi parti PRM yang diasaskan pengarang terbuka kepada semua kaum. Konsep ini jika berjaya dilaksanakan boleh menjamin kemenangan bagi pihak panganjurnya.

Tetapi, jika sekiranya konsep ini bertujuan untuk membentuk satu rupa bangsa yang baru agak mustahil dari segi praktisnya kerana budaya dan identiti ras di kalangan rakyat majmuk tidak boleh diasimilasikan walaupun dalam tempoh masa yang panjang. Ini kerana

faktor budaya dan kepercayaan sesuatu ras sukar untuk dikikis apatah lagi untuk "menghapus" identiti ras itu sendiri. Contohnya bahasa ibunda masing-masing ras tidak akan hilang selagi penuturnya masih ada. Begitu jugalah dengan budaya, meskipun dengan cara perkahwinan campur diyakini pengarang mampu menerap dan menyemaikan falsafah konsep tersebut tetapi sejauh manakah ia dapat diterima oleh masyarakat. Apatah lagi masyarakat pada zaman konsep itu diwar-warkan telah selesa dengan pendekatan "*divide and rule*" yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris. Pola masyarakat ketika itu baik dari segi penempatan maupun kegiatan ekonomi sudah terpisah mengikut ras.

Namun demikian konsep bangsa Malaya / Malaysia yang diperkenalkan pengarang pada hakikatnya selari dengan ciri-ciri yang perlu wujud dalam sesebuah negara-bangsa. Justeru tidak dapat dinafikan bahawa pembentukan kesepaduan bangsa majoriti itu pastinya mampu menjana kekuatan dan membangun selari dengan kchendak zaman bagi sesebuah negara yang baru merdeka.

3.4 KESIMPULAN

Aspek nasionalisme merupakan antara komponen pemikiran politik yang terkandung dalam novel-novel Ahmad Boestamam. Memahami pemikiran watak-watak dalam teks kajian, dapatlah digali tentang kewujudan semangat nasionalisme yang dipaparkan secara fiksyen. Semangat nasionalisme yang dikesan, dapat dipecahkan kepada dua unsur utama iaitu nasionalisme yang berkaitan dengan perjuangan politik dan nasionalisme dalam konteks negara-bangsa.

Dalam konteks perjuangan politik, isu-isu proses perjuangan kemerdekaan, laungan “Merdeka”, kecintaan terhadap leluhur serta mendaulatkan bahasa Melayu dianggap aspek penting yang mendominasi semangat nasionalisme itu. Manakala dalam pemaparan konsep negara-bangsa, kecenderungan pengarang lebih terarah terhadap penyatuan bangsa majoriti melalui mandus operandi; kahwin campur dan perkongsian bijak yang diyakininya mampu membina sebuah negara yang kuat dan berdaulat.

Pengarang dilihat berjaya memaparkan pemikiran politiknya melalui teks kajian tetapi untuk memahami dan menilai semangat nasionalisme yang dipancarkan itu, pembaca memerlukan *back-up* teks sosial, yakni mengetahui latar sejarah perjuangan politik pengarang di dunia nyata sebelum menikmati dan menghayati novel beliau.